

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

## Manfaat Madu

*“Dan Tuhanmu telah mengilhamkan kepada lebah: “Buatlah sarang-sarang di gunung-ganang, di pohon-pohon kayu, dan tempat-tempat yang dibangun oleh manusia. Kemudian makanlah daripada berbagai-bagai jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai) serta laluilah jalan-jalan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkanNya (bagimu).” Daripada perutnya (lebah) keluar minuman (madu) yang berlainan warnanya, di dalamnya terdapat ubat penyembuh bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat suatu tanda (kebijaksanaan dan kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir.”*

(Surah Al-Nahl: Ayat 68-69)

## KEPENTINGAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN

### Peningkatan Kualiti dan Akreditasi

- ✦ Dengan bertambahnya cabaran-cabaran sistem penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, Peningkatan Kualiti merupakan faktor yang sentiasa diambil perhatian oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
- ✦ Peningkatan Kualiti dibuat secara menyeluruh dengan memasukkan elemen-elemen penting seperti akreditasi.
- ✦ Akreditasi adalah satu proses penelitian yang dibuat ke atas organisasi Perkhidmatan Kesihatan untuk melihat kebolehannya mengikut kriteria yang telah ditetapkan serta selaras dengan *standards* akreditasi oleh pihak agensi akreditasi yang diiktiraf.
- ✦ Ianya adalah salah satu pendekatan yang paling berkesan dengan penyertaan pelanggan yang sentiasa dipertingkatkan, dan *standards* yang sentiasa dikemaskinikan.
- ✦ Proses akreditasi akan lebih berkesan jika ianya direka dan disesuaikan dengan keperluan dan sumber yang sedia ada.
- ✦ Akreditasi menjadi satu pendekatan berharga bagi Peningkatan Kualiti bukan sahaja di pusat kesihatan dan hospital, malahan semua institusi penjagaan kesihatan dalam sistem perkhidmatan kesihatan termasuk makmal-makmal kesihatan.

### Kepentingan Akreditasi

#### Manfaat Kepada Pesakit: -

- Penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan selamat.
- Memfokuskan kepada keselamatan pesakit.
- Kepuasan pesakit sentiasa disukai dan dinilai.
- *Patient Rights* sentiasa dihormati dan dilindungi.
- Diberi layanan yang istimewa daripada Professional Kesihatan.
- Penyampaian pendidikan dan promosi kesihatan yang berkesan.
- Komunikasi yang efektif.

#### Manfaat Untuk Kakitangan: -

- Meningkatkan *Continuous Professional Development*.
- Menyediakan pendidikan mengenai *standards*.
- Meningkatkan kepuasan dengan pembelajaran yang berterusan, persekitaran kerja yang terbaik, dan juga kepimpinan yang efektif.

#### Manfaat Untuk Fasiliti Kesihatan: -

- Setaraf dan sebanding dengan fasiliti-fasiliti kesihatan yang bertaraf tertinggi di dunia.
- Merangsang penambahbaikan yang berterusan.
- Menunjukkan komitmen kepada penjagaan yang berkualiti tinggi.
- Meningkatkan keyakinan masyarakat dan orang ramai.

## ISU KALI INI

### Kepentingan Kualiti Dalam Perkhidmatan Kesihatan

Bahagian Psikologi Masyarakat  
Jabatan Perkhidmatan  
Kesihatan

Penyakit *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV)

Psikologi Tidur:  
“Mendapat tidur yang lebih baik”

# BAHAGIAN PSIKOLOGI MASYARAKAT JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN



## Sejarah

- 1992** Perkhidmatan Psikologi di Negara Brunei Darussalam bermula dengan hanya seorang Psikologis Klinikal berkontrak.
- 1995** Seorang lagi Psikologis Klinikal tempatan dilantik secara tetap.
- 1997** Unit ini berpindah daripada Flat Anggerek Desa ke ibu pejabat Kementerian Kesihatan di Jalan *Commonwealth Drive*.
- 2009** Unit ini berpindah semula ke tempat asal di Flat Anggerek Desa.
- 2010** Nama unit ditukar kepada Bahagian Psikologi Masyarakat.

### Visi

Minda Sihat Menjana Warga Sihat

### Misi

Penjagaan kesihatan psikologi yang holistik dan menekankan perkhidmatan yang cemerlang. Kod amalan yang efektif bagi memastikan etika, kerahsiaan dan perlindungan untuk semua.



## Matlamat

1. Memberikan perkhidmatan psikologi yang holistik dan cemerlang.
2. Memberikan penilaian yang relevan dan intervensi yang berasaskan bukti kepada semua lapisan masyarakat yang memerlukan.
3. Meningkatkan kemahiran klinikal dan professional melalui pendidikan dan latihan yang berterusan.
4. Meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan psikologi (*psychological wellness*) melalui program dan inisiatif pendekatan masyarakat secara proaktif.
5. Mempraktikkan model 'saintis-pengamal' dengan menjalankan penyelidikan yang inovatif.
6. Bekerjasama dengan ahli professional dari agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam memberikan penjagaan holistik.
7. Meraih kepercayaan masyarakat dengan mengekalkan kod professional perkhidmatan, etika dan tatalaku.




## JADUAL PERKHIDMATAN BAHAGIAN PSIKOLOGI MASYARAKAT BAGI TAHUN 2015 – 2016

Hari Klinik	Pusat / Klinik Kesihatan
Isnin	Klinik Kesihatan Lambak Kanan
	Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
	Pusat Kesihatan Tutong
Selasa	Klinik Kesihatan Bangar, Temburong (sekali sebulan)
	Pusat Kesihatan Muara
Rabu	Pusat Kesihatan PAPHRSB Sg Asam
	Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
	Klinik Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak
Khamis	Pusat Kesihatan Sungai Liang
	Pusat Kesihatan Belait
	Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong
	Klinik Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak



# Penyakit Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)



🦠 Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV) merupakan satu penyakit pernafasan yang disebabkan oleh *novel coronavirus* yang pertama sekali dikenalpasti di Arab Saudi pada tahun 2012. Virus *Coronavirus* ini adalah daripada keluarga virus yang menyebabkan penyakit terdiri daripada penyakit flu biasa hingga penyakit yang lebih serius seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS).

🦠 Tanda-tanda penyakit MERS-CoV ini adalah:

- Demam panas.
- Batuk dan sesak nafas.
- *Pneumonia* atau radang paru-paru.
- Sakit perut termasuk juga penyakit cirit birit.

Penyakit ini juga boleh menyebabkan pesakit MERS-CoV menghadapi kesukaran untuk bernafas sendiri dan memerlukan *ventilator* dan rawatan intensif.

🦠 Orang-orang yang berisiko tinggi menghadapi penyakit MERS-CoV ini adalah:

- Mereka yang berusia lanjut.
- Mereka yang mempunyai sistem imunisasi badan yang lemah.
- Pesakit kronik seperti penyakit kanser, penyakit paru-paru kronik dan penyakit kencing manis.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin memperingati orang ramai yang akan keluar negara terutama sekali yang akan mengunjungi negara-negara di rantau Timur Tengah untuk mengambil langkah-langkah berikut:

- Mendapatkan suntikan seperti vaksin influenza (dan meningitis bagi jemaah umrah dan haji) sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum melakukan perjalanan.
- Mengelakkan dari mengunjungi pasar atau ladang haiwan apabila berada di negara-negara yang terjejas. Bagi yang melawat negara timur tengah, elakkan memakan produk daging unta mentah ataupun tenusu mentah.
- Mendapatkan pemeriksaan dan rawatan doktor dengan segera sekiranya terdapat tanda-tanda demam dan batuk samada semasa berada di luar negeri atau dalam tempoh masa 14 hari selepas melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas.
- Mengelakkan diri dari mendampingi orang yang mengalami demam selesma.
- Mengamalkan mencuci tangan dengan menggunakan cecair pembersih tangan (*hand sanitizer*) atau dengan sabun dan air yang bersih terutama sekali selepas menggunakan tandas, sebelum makan, dan ketika menyediakan makanan.



# CERAMAH BERSIRI

❖ OKTOBER ❖

## "SPIROMETRY"

oleh  
Jamil Ahmad  
Jururawat  
Bahagian Kesihatan Cara Kerja  
8 Oktober 2015



## "PSYCHOLOGY OF SLEEP: HOW TO GET A BETTER SLEEP"

oleh  
Fauziyyah Hanani Bt Hj Abdul Manap  
Psikologis (Kesihatan Awam)  
Bilik Serbaguna Pejabat Kesihatan  
Daerah Belait  
22 Oktober 2015

❖ NOVEMBER ❖

## "THE MODEL FOR IMPROVEMENT AND PDSA CYCLE"

oleh  
Dr Haji Azlan Bin Haji Jaludin  
Ketua Unit Kualiti, Dasar,  
Penyelidikan dan Perkembangan  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan



## "HEALTH QUALITY AND PATIENT SAFETY"

oleh  
Awg Ajiman Bin Haji Abdullah  
Jururawat  
Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan  
12 November 2015



## "STRESS MANAGEMENT"

oleh  
Marisol Velasco Liciano  
Pembantu Jururawat  
Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan  
26 November 2015

Semua ceramah akan diadakan pada:

Jam  
3.00 petang

Tempat  
Pusat CME

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
(Ara 6, Kondominium Ong Sum Ping)

Semua pegawai  
dan  
kakitangan JPK  
di alu-alukan hadir

# Psikologi Tidur: "Mendapat tidur yang lebih baik"

## Memulihkan Tenaga.

Meningkatkan Perhatian dan Keupayaan untuk membuat keputusan yang Rasional.

Faedah Tidur Baik:

### Menguatkan Daya Ingatan:

Dengan memindahkan penguatan dari jangka penyimpanan pendek kepada jangka penyimpanan panjang.

### Meningkatkan Kreativiti:

Dengan menyatukan dan mengintegrasikan penguatan yang baru dengan yang sedia ada.

Mengamalkan tabiat tidur yang baik.

Mendapatkan masa tidur yang tetap.

Mengisi masa hari anda dengan aktiviti-aktiviti yang mengakibatkan mengantuk pada waktu malam.

Mengelakkan tidur yang berlebihan pada siang hari (Memastikan tidur tengah hari kurang daripada satu jam)

BAGAIMANA UNTUK MENDAPATKAN TIDUR YANG LEBIH BAIK?

Mengelakkan makanan dan minuman yang mengandungi bahan kimia yang memberi kesan negatif pada tidur.

Mengamalkan gaya hidup yang sihat. (Amalkan senaman harian dan pemakanan yang sihat)

Put Your Thoughts Down  
(Mencatatkan tugas-tugas & pelan pada esok hari di sebuah planner)

Katil untuk tidur.  
(Membuatkan tempat persekitaran tidur anda khas untuk tidur.)

Rujukan: Fauziyyah Hanani  
(Psychologist, Public Health)

## Aktiviti-aktiviti JPK

Majlis Pelancaran Program  
Perkesakan Pemeriksaan  
Kesihatan (3PK)  
20 Oktober 2015

4<sup>th</sup> Meeting of The ASEAN  
Task Force on Maternal  
and Child Health  
24 – 26 November 2015

## Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan  
dan Perkembangan  
Pejabat Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Kesihatan

Tel: 2381640 Sambungan  
7641 / 7940 / 7733

Fax: 2382032

Emel: health.quality@moh.gov.bn

## Isu Akan Datang

- Program Perkesakan Pemeriksaan Kesihatan (3PK).
- Bahagian Kesihatan Cara Kerja.

## Sidang Editorial

### Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

### Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)  
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

### Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)  
Pegawai Jururawat Tingkat Khas

Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)  
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)  
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)  
Atendan Kesihatan

### Sub Editor

Muhammad Syahmirul Dzikhri Hj Matali  
UBD Intern (September - November 2015)

### Sumber

Perkhidmatan Sainifik  
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat  
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar